

9th July 2021

Dear Sir/Madam,

STAKEHOLDER CONSULTATION INVITATION TO COMMENT ON MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO) MAIN ASSESSMENT

We are pleased to invite you to attend and provide comments in the stakeholder consultation meeting.

PMI Properties Sdn Bhd, has applied to Global Gateway Certifications Sdn Bhd to carryout certification activities in accordance with the Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) standards.

The standards that shall be applied in the assessment are as below;

- MS 2530-3: MSPO, Part 3: General Principles for Oil Palm Plantations and Organized Smallholders

As planned, the auditing will be conducted on **3rd September 2021**. Date and time for consultation of interested parties are as follows:

Date : 3rd September 2021
Time : 10:30 am to 12:30 pm
Location : Virtual Team Meeting, Google Meet Link
<https://meet.google.com/gkh-bwex-yed>

Note *: If you are unable to attend the meeting you are most welcome to meet our audit team and convey your comments during any of the audit days.

Applicant	PMI Properties Sdn Bhd
Contact details	Ms. Kong Siew Yen Management Representative, Lot 571, Mukim Teras, 27600, Raub, Pahang, Malaysia. +03-87243533 sykong@pmicotton.com
Brief business information of applicant	PMI Properties Sdn Bhd is incorporated on 7 th October 2010 in Malaysia under the name PMI Properties Sdn. Bhd. with registration number of 201001033372 (917295-T). The business includes investment of lands and buildings; planters and cultivators; real estate company. PMI Properties Sdn. Bhd. is a private limited company and has been existed for 11 years. Nature of business is cultivation and sale of oil palm fruits which covered an area of 177.53 hectares in Raub, Pahang.



PALM OIL MILL (POM) FOR THIS ASSESSMENT

Name of Palm Oil Mill	Mill Capacity	Location	GPS reference		Forecasted Annual output (MT)	
(POM)	MT/Hr	Address	Longitude	Latitude	CPO	Palm Kernel
NIL	NIL	NIL	NIL	NIL	NIL	NIL

ASSOCIATED SUPPLY BASE OF FFB TO THE ABOVE POM TO BE INCLUDED IN THIS ASSESSMENT

Owned Oil Palm Plantation / Association	GPS reference		Area Summary (Ha)
	Longitude	Latitude	Total
PMI Properties Sdn Bhd	E 101.7458"	N 3.6914"	177.53
Total			177.53

Stakeholder consultation is one of the most important parts in certification process; during which relevant national, regional as well as local stakeholders are asked to give their views and opinions as to whether the applicant's certification units comply with the requirements of the MSPO's requirements.

We invite all stakeholders to take part in this consultation process as you can make a positive contribution to the certification decision. We invite you to raise any issues, both positive and negative, by sending a written response by mail, fax or by e-mail to our Global Gateway Certifications Sdn Bhd .

For your guidance, you may consider the following points:

- Environmental protection.
- Biodiversity conservation.
- Opportunities for employment.
- Provision of housing, sanitation, amenities and educational support.
- Company approach to community development.
- Participation in decision making.
- Any other issue, both positive and negative that you consider may be of relevance to the assessment.

Please direct your comments to:

Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Scheme Manager - MSPO,

Global Gateway Certifications Sdn Bhd,

No.10 Jalan Rasmi 7,

Taman Rasmi Jaya,

68000 Ampang,

Selangor Darul Ehsan,

Malaysia.

Tel: +603 4256 2689

Fax: +603 4256 2687,

E-Mail: admin@ggc.my

Details on the audit team:

Surenthiran Panneerselvam (Lead Auditor)

Graduated in PgDip/MSc Oil and Gas Accounting from University of Abertay Dundee, Scotland, UK. Equipped with experience in financial audit, internal audit and sustainability audit. Have more than 8 years working experience. Qualified and involved in MSPO Audit Assessment since year 2017. Fully trained in audit certification such as MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil), MSPO SCCS (MSPO - Supply Chain) RSPO (Roundtable Sustainable Palm Oil), ISO9001:2015 (Quality Management System), ISO37001:2016 (Anti Bribery Management System). Able to communicate in both Bahasa Malaysia and English (written and spoken). Member of GGC MSPO audit team.

Mohd Azmi Samynathan bin Abdullah (Auditor)

He holds an MBA majoring in Human Resource Management, Bachelor of Business in Business Administration, Diploma in Human Resource Management and Certificate in Agriculture from University of Western Sydney, RMIT University, Australia, University Malaya and Institut Pertanian Semenanjung Malaysia respectively. He has vast experience in the field of Human Resource Management spanning more than two decades in the manufacturing industry. Prior to this he held various key management positions in Human Resource & Administration with several multinational companies. Azmi has extensive hands-on experience in recruitment and selection of Foreign Labour, managing conciliation meetings at the Labour and Industrial Relations Department, handling employee disciplinary issues, employee welfare, developing, reviewing & updating human resource policies and procedures. He has been advising management teams throughout his career on requirements of the Labour Laws. Further, Mohd Azmi, is a Panel Member to Industrial Relations Court representing the employers appointed by the Minister of Human Resources. Besides his vast experience in HRM, Azmi is also an experienced auditor in second and third-party auditing system. Fully trained in ISO 9001:2008 (Quality Management System) Lead Auditor Course and successfully completed MSPO, MSPO- SCCS (endorsed by MPOCC) and RSPO Auditors Training Course. He is a member of GGC MSPO audit team and able to read and write in English and Bahasa Malaysia fluently.



Tineshkumar Rajasagaran (Auditor)

A sustainability auditor who graduated first class in Biotechnology Industry with 6 years of auditing experience in food and oil palm industries. Experienced well in conducting internal audits under international oil palm sustainability certification such as Roundtable Sustainable Palm Oil (RSPO), International Carbon Certification System (ISCC), Malaysian Sustainable Palm Oil (MSPO) and respective Supply Chain Certification System (SCCS). Involved in conducting internal Quality Management System and Food Safety auditing under ISO 22000. Closely work together with Germany GHG Auditors to finalize GHG Calculation and emission values complying to ISCC certification besides contributing in reporting of RSPO Palm GHG calculation. Knowledgeable in environmental sustainability of Oil Palm sector. Conduct consultative internal High Conservation Value (HCV) and Environmental Impact (EIA) assessments, Waste Management and Water Management Plan in order to identify gaps in sustainability practices and provide consultative guidance for improvement, especially in compliance to RSPO P&C, MSPO and ISCC requirements. Attended various environmental related trainings including High Conservation Value Assessment for Producers and HCV-HCSA Trainings by Proforest, Crash Course on Environmental Sustainability for Planters by ISP Management (M) Sdn Bhd etc. Member of GGC MSPO Audit team. Able to speak and understand Bahasa Malaysia and English.



Comments received within 30 days from the date of this letter will be considered in this Assessment. Please include the following information should we need to contact you for clarification on any issues raised:

Name : _____
Address : _____
E-Mail : _____
Phone Number : _____
Summary of Issue : _____

If you wish your comments to be treated confidentially or remain anonymous, please mark your reply "CONFIDENTIAL".

We thank you for the participation and feedback.

Yours Sincerely,



Muhd Jamalul Arif bin Hamid
Scheme Manager - MSPO,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd



9^{hb} Julai 2021

Kepada Badan atau Orang Perseorangan yang Berkepentingan,

**JEMPUTAN UNTUK MEMBUAT ULASAN BERKENAAN DENGAN PENILAIAN UTAMA
PENSIJILAN PIAWAIAN KELESTARIAN MINYAK SAWIT MALAYSIA (MSPO)**

Dengan sukacita kami menjemput pihak Tuan/ Puan untuk menghadiri dan memberi komen di sesi rundingan seperti di atas.

PMI Properties Sdn Bhd, telah memohon kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd untuk melaksanakan penilaian pensijilan Piawaian Kelestarian Minyak Sawit Malaysia (MSPO).

Keperluan piawaian yang akan digunakan semasa proses pensijilan adalah:

- MS 2530-3: MSPO, “Bahagian 3: Prinsip-Prinsip Umum Untuk Ladang Sawit dan Pekebun-Pekebun Teratur”

Seperti yang dijadualkan, penilaian pensijilan tersebut akan bermula pada **3^{hb} September 2021**. Tarikh dan masa bagi perundingan pihak berkepentingan adalah seperti berikut:

Tarikh : 3^{hb} September 2021
Masa : 10:30 pagi hingga 12:30 petang
Lokasi : Google Meet Link
<https://meet.google.com/ghk-bwex-yed>

Nota*: Sekiranya pihak Tuan /Puan tidak dapat menghadiri mesyuarat penilaian, pihak Tuan/Puan disarankan untuk bertemu Juruaudit dan memaklumkan sebarang ulasan ketika sesi audit berkenaan berlangsung.

Syarikat Pemohon	PMI Properties Sdn Bhd
Butiran Pemohon	Ms. Kong Siew Yen Wakil Pengurusan, Lot 571, Mukim Teras, 27600, Raub, Pahang, Malaysia. +03-87243533 sykong@pmicotton.com
Maklumat ringkas perniagaan pemohon	PMI Properties Sdn Bhd telah ditubuhkan pada 7 ^{hb} Oktober 2010 [No pendaftaran: 201001033372 (917295-T)]. Estet ini menjalankan aktiviti perladangan kelapa sawit di kawasan seluas 177.53 hektar di Raub, Pahang.



MAKLUMAT KILANG KELAPA SAWIT YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI.

Nama kilang sawit	Kapasiti Kilang	Lokasi	Rujukan GPS		Anggaran Pengeluaran Tahunan (MT)		
			(KKS)	MT/Jam	Alamat	Longitude	Latitude
TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA	TIADA

RANTAIAN BEKALAN BTS YANG TERLIBAT DALAM SKOP PENSIJILAN INI

Nama Ladang / Pertubuhan	Rujukan GPS		Jumlah kawasan (Ha)
	Longitude	Latitude	Jumlah
PMI Properties Sdn Bhd	E 101.7458"	N 3.6914"	177.53
Jumlah			177.53

Perundingan dari pihak berkepentingan adalah salah satu aktiviti dalam utama dalam proses pensijilan, di mana semua pihak berkepentingan diminta untuk memberi pandangan yang boleh mempengaruhi keputusan samada keperluan MSPO dipatuhi.

Kami meminta anda mengemukakan sebarang isu, baik positif mahupun negatif melalui surat, fax atau e-mel kepada Global Gateway Certifications Sdn Bhd. Tuan/ Puan boleh menghadiri sesi bersama pihak berkepentingan semasa audit.

Sebagai rujukan, anda boleh mempertimbangkan isu-isu seperti berikut;

- Perlindungan alam sekitar
- Pemulihan kepelbagaian biologi
- Pengwujudan peluang pekerjaan
- Penyediaan perumahan, sanitasi, dan pendidikan sokongan
- Pendekatan syarikat dalam perkembangan masyarakat
- Mengambil bahagian dalam membuat keputusan
- Isu-isu yang lain baik positif atau negatif yang anda fikir relevan kepada penilaian.

Sila hantar pandangan / komen anda kepada:

Global Gateway Certifications Sdn Bhd

Pengurus Skim - MSPO,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd,
No.10, Jalan Rasmi 7,
Taman Rasmi Jaya,
68000 Ampang,
Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.
Tel: +603 4256 2689
Fax: +603 4256 2687
Email: admin@ggc.my

Maklumat terperinci anggota Juruaudit:

Surenthiran Panneerselvam (Ketua Juruaudit)

Kelulusan akademi Ijazah Sarjana dalam bidang minyak dan gas – [PgDip/MSc Oil and Gas Accounting] dari Universiti Abertay Dundee, Scotland, UK dan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang perakaunan. Mempunyai pengalaman kerja dalam audit kewangan, audit dalaman dan audit kelestarian. Berpengalaman lebih dari 8 tahun dan berkelayakan dalam Penilaian Audit MSPO sejak tahun 2017. Dilatih sepenuhnya dalam bidang pengauditan berkaitan dengan skim pensijilan MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil), MSPO SCCS (MSPO – Supply Chain Certification), RSPO (Roundtable Sustainable Palm Oil), ISO9001: 2015 (Sistem Pengurusan Kualiti), ISO37001: 2016 (Sistem Pengurusan Anti Rasuah). Fasih dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris (bertulis dan bertutur). Ahli pasukan audit GGC MSPO.

Mohd Azmi Samynathan bin Abdullah (Auditor)

Mohd Azmi adalah lulusan MBA jurusan Pengurusan Sumber Manusia (University of Western Sydney) Sarjana Muda Perniagaan dalam Pentadbiran Perniagaan (RMIT University, Australia), Diploma Pengurusan Sumber Manusia (University Malaya) dan Sijil Pertanian dari Institut Pertanian Semenanjung Malaysia. Beliau memiliki pengalaman luas dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia yang merangkumi lebih dari dua dekad dalam Industri pembuatan. Sebelum ini, beliau memegang pelbagai Jawatan Pengurusan Sumber Manusia & Pentadbiran dengan beberapa Syarikat Multinasional. Azmi mempunyai pengalaman luas dalam pengambilan Tenaga Kerja Asing, menguruskan proses Rundingan Damai di Jabatan Tenaga Kerja dan di Jabatan Perhubungan Perusahaan, menangani masalah Disiplin Pekerja, Kebajikan Pekerja, Mengkaji & Mengemas kini Dasar dan Prosedur Sumber Manusia. Dia telah menasihati pengurusan syarikat sepanjang kariernya mengenai keperluan Undang-Undang Buruh. Selain dari itu, Mohd Azmi, adalah Anggota Panel Mahkamah Perhubungan Perusahaan Malaysia mewakili majikan yang telah dilantik oleh Menteri Sumber Manusia. Selain pengalamannya yang luas dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia, Azmi juga merupakan juruaudit yang bertauliah dan berpengalaman dalam sistem audit pihak kedua dan ketiga. Dilatih sepenuhnya dalam audit Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001: 2008 dan audit Kelastarian MSPO, MSPO-SCCS dan RSPO. Beliau adalah ahli pasukan audit GGC dan boleh membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dengan lancar.



Tineshkumar Rajasagaran (Auditor)

Juruaudit kelestarian graduan kelas pertama dalam Bioteknologi Industri yang mempunyai 6 tahun pengalaman dalam bidang audit industri pemakanan dan pertanian kelapa sawit. Berpengalaman baik dalam melakukan audit dalaman berkaitan dengan pensijilan kelestarian antarabangsa seperti RSPO, ISCC, MSPO dan SCCS. Terlibat dalam melakukan audit dalaman Sistem Pengurusan Kualiti dan audit Keselamatan Makanan di bawah ISO 22000. Bekerjasama rapat dengan Juruaudit GHG Jerman untuk memuktamadkan pengiraan GHG dan menentukan nilai pelepasan yang mematuhi pensijilan ISCC selain menyumbang dalam pelaporan pengiraan RSPO Palm GHG. Berpengetahuan baik dalam kelestarian alam sekitar sektor kelapa sawit. Berpengalaman dalam melakukan penilaian Nilai Pemuliharaan Tinggi (HCV) dalaman, penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Rancangan Pengurusan Sisa dan Pengurusan Air untuk mengenal pasti jurang dalam amalan kelestarian selain memberikan panduan perundingan untuk penambahbaikan dengan syarat RSPO (P&C), MSPO dan ISCC. Menghadiri pelbagai latihan berkaitan alam sekitar termasuk Nilai Pemuliharaan Tinggi untuk Pengeluar dan Latihan HCV-HCSA oleh Proforest, Kursus Kelestarian Alam Sekitar untuk Penanam oleh ISP Management (M) Sdn Bhd dan lain-lain. Ahli pasukan audit MSPO, GGC. Boleh bertutur dan memahami Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

Komen yang diterima dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat ini akan dipertimbangkan. Sila sertakan maklumat bertulis dalam format berikut untuk kami menghubungi anda (jika perlu) untuk mendapat penjelasan terperinci mengenai isu-isu yang dibangkitkan.

Nama : _____
Alamat : _____
E-mel : _____
Nombor Telefon : _____
Ringkasan Isu : _____

Jika komen anda ingin dirahsiakan, sila tanda perkataan “SULIT” di penjuru atas borang tersebut.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,



Muhd Jamalul Arif bin Hamid
Pengurus Skim - MSPO,
Global Gateway Certifications Sdn Bhd